



PEMBERITAHUAN

PERMULAAN KAJIAN KUALITI PENGALAMAN JALUR LEBAR 2022 (BQoES 2022)

MCMC akan menjalankan soal selidik **Kajian Kualiti Pengalaman Jalur Lebar 2022 (BQoES 2022)** untuk mengumpul data berkaitan kualiti pengalaman pengguna terhadap perkhidmatan jalur lebar di Malaysia.

Soal selidik ini akan bermula dari 8 November hingga 31 Disember 2022. Bagi memenuhi keperluan kajian, soal selidik akan dijalankan melalui kaedah dalam talian.

Setiap pengguna jalur lebar berumur 15 tahun dan ke atas di Malaysia boleh menjawab soal selidik dalam talian dengan menggunakan kod *QR* atau pautan di bawah:

<https://survey.skmm.gov.my/efm/se/6D5CBBB622CE1878>



Data yang dikumpulkan melalui platform dalam talian ini menggunakan teknologi penyulitan SSL, disimpan dalam pangkalan data tempatan yang dilindungi kata laluan dan alamat IP tidak disimpan. Anda disarankan juga untuk membersihkan *cache* dan sejarah pengimbas komputer untuk melindungi privasi anda setelah menjawab soal selidik ini.

Adalah dimaklumkan bahawa tujuan soal selidik ini adalah untuk pengumpulan data sahaja. Tiada sebarang data peribadi akan dikutip seperti nama penuh, kad kredit/debit atau maklumat bank bagi soal selidik ini. Tiada wang akan dikutip mahupun sebarang urusan jualan dilakukan. Penyertaan adalah secara sukarela; walau bagaimanapun, kerjasama daripada orang ramai amat dihargai.

Sebarang perubahan tempoh soal selidik akan diumumkan di laman sesawang MCMC: www.mcmc.gov.my.

Tarikh: xx November 2022

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

MCMC HQ, MCMC Tower 1, Jalan IMPACT, Cyber 6, 63000 Cyberjaya,
Selangor

(u.p: **Jabatan Statistik dan Risikan Data** - skmm.cati@mcmc.gov.my)

Tel: +603 8688 8000 Fax: +603 8688 1000

www.mcmc.gov.my